



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 5 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KENAIKAN HARGA LANTAI PADI DIUMUM MINGGU DEPAN, BABAS NEWS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KEGUSARAN PESAWAH KAMPUNG JAWA TERUBAT, THE MALAYSIA PRESS.COM -ONLINE	
3.	HARGA BAHARU SEBELUM MENUAI, DALAM NEGERI, UM -36	
4.	'BUKAN RAIH SIMPATI, REALITI SEBENAR KILANG BUMIPUTERA', DALAM NEGERI, UM -36	
5.	PERSAINGAN TIDAK SEIMBANG 'TEWASKAN' PENGILANG PADI, BERAS BUMIPUTERA, DALAM NEGERI, UM -6	
6.	PENYELESAIAN SECARA MENYELURUH ISU BERAS, DALAM NEGERI, UM -1 & 3	
7.	INSENTIF RM1b RANCAKKAN PENGELUARAN PADI NEGARA, MUKA DEPAN, BH -1	
8.	KENAIKAN HARGA LANTAI PADI BAHARU DIUMUM MINGGU DEPAN, NASIONAL, BH -4	
9.	PESAWAH LEGA TUNTUTAN DIDENGARI KERAJAAN, NASIONAL, BH -4	
10.	'BIAR BADAN PENGUAT KUASA BUAT SIASATAN', DEWAN RAKYAT, HM -16	
11.	HARGA LANTAI PADI BAHARU DIUMUM MINGGU DEPAN, DEWAN RAKYAT, HM -16	
12.	RM1b KEPADA MADA UNTUK RANCAKKAN PRODUKTIVITI PENGELUARAN PADI, DEWAN RAKYAT, HM -16	
13.	HARGA BAHARU PADI DIUMUM MINGGU DEPAN, NASIONAL, SH -5	
14.	PESAWAH HARAP ADA KHABAR GEMBIRA, NASIONAL, SH -5	
15.	HARGA LANTAI PADI BAHARU MINGGU DEPAN, NEGARA, KOSMO -8	
16.	GOVT TO ANNOUNCE NEW PADI FLOOR PRICE NEXT WEEK, CONSUMERS ASSURED OF NO IMPACT, SELANGOR JOURNAL -ONLINE	
17.	NEW PADI FLOOR PRICE TO BE ANNOUNCED NEXT WEEK, NATIONAL, THE SUN -2	
18.	'NEW FLOOR PRICE FOR PADI NEXT WEEK', NATION, NST -3	
19.	FAIR DEAL FOR FARMERS AND BUYERS, NATION, THE STAR -6	
20.	FAMA BANTU USAHAWAN PERLIS KUASAI PASARAN DIGITAL, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
21.	SELANGOR SEDIA KONGSI KEJAYAAN PADI SEKINCHAN, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
22.	GOVT TO ADOPT SEKINCHAN'S HIGH-YIELD RICE MODEL, NATION, THE STAR -6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2025	BABAS NEWS	ONLINE	

Kenaikan harga lantai padi diumumkan minggu depan



KUALA LUMPUR — Dewan Rakyat hari ini diberitahu, kerajaan akan mengumumkan kenaikan harga lantai padi baharu pada kadar yang munasabah minggu depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan itu bakal diperincikan secara lanjut oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk

Seri Mohamad Sabu, di Dewan Rakyat.

Bagi mengimbangi harga beras dalam pasaran susulan kesan kenaikan harga lantai padi yang baharu itu, beliau berkata, kerajaan juga akan memperuntukkan subsidi bernilai RM150 juta bagi tempoh enam bulan.

“Kita juga kena tambahan lagi subsidi RM150 juta minimum dari kerajaan supaya kos pengguna tidak naik.

Kita tidak boleh bicara satu pihak sahaja untuk pertahan pengguna tetapi memangsakan pesawah dan nak naikkan (harga lantai padi) untuk pesawah sehingga memangsakan pengguna kerana pengguna miskin B40 pun ramai.

“Minggu depan paling akhir, Menteri (Pertanian dan Keterjaminan Makanan) akan beri penjelasan dengan pengumuman kenaikan harga (lantai padi) yang munasabah dengan subsidi daripada kerajaan yang bertambah,” katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) yang menggesa kerajaan menaikkan harga lantai padi seperti mana terkandung dalam memorandum Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH).

Tuntutan itu disenarai PeSAWAH melalui memorandum yang diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini, dengan satu lagi isu membabitkan bantahan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman.

Pada 27 Januari lalu, PeSAWAH membangkitkan dua isu antaranya mempertimbang supaya kerajaan menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 per tan kepada RM1,800.

Tuntutan itu disenarai PeSAWAH melalui memorandum yang diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), dengan satu lagi isu membabitkan bantahan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman.

— *BebasNews*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2025	THE MALAYSIA PRESS.COM	ONLINE	

Kegusaran pesawah Kampung Jawa terubat



KUANTAN – Kumpulan pesawah padi di Kampung Jawa, dekat Rompin, kini boleh menarik nafas lega selepas permohonan mereka bagi mendapatkan subsidi hampir menjadi kenyataan.

Sebelum ini, pesawah berkenaan mendakwa tidak mendapat subsidi daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Kegelisahan mereka itu disuarakan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lantikan

Pahang, Mohd Fadzli Mohd Ramly dalam satu pertemuan sebelum ini.

Mohd Fadzli kemudiannya memanjangkan perkara itu kepada KPKM untuk pertimbangan sewajar.

“Perbincangan dengan pesawah terbabit sudah dilakukan... saya juga sudah membangkitkan isu ini ketika sesi soal jawab Menteri Besar Pahang pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.

“Seterusnya, perbincangan dengan pegawai KPKM juga dibuat dan Alhamdulillah... hari ini dapat maklum balas bertulis daripada pegawai kementerian berkaitan,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook, hari ini.

Mohd Fadzli dalam masa yang sama menjelaskan bahawa kegusaran dihadapi kumpulan pesawah itu sentiasa diberi perhatian pihak kerajaan negeri dan Persekutuan.

Katanya, pelbagai usaha sudah dilakukan dalam membantu pesawah di Pahang mendapatkan subsidi baja, benih dan harga lantai jualan padi yang kompetitif.

“Adalah menjadi harapan semua pihak untuk memastikan pesawah mendapat hak mereka dan seterusnya membantu mengekalkan rantaian bekalan makanan di negara ini,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Harga baharu sebelum menuai

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD dan MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
 utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Pesawah di Kedah menyambut baik pengumuman kerajaan untuk menetapkan harga lantai belian padi baharu dijangka minggu depan, yang disifatkan tepat pada masanya sebelum musim menuai di kebanyakan sawah bermula.

Langkah itu diharapkan dapat memberikan kelegaan ekoran sudah terlalu lama berdepan dengan isu harga padi yang tidak stabil dan kos operasi semakin meningkat.

Petani, Azman Ahmad, 54, berkata, pengumuman harga baharu diharap membantu meningkatkan pendapatan mereka selain memastikan kelangsungan industri padi negara.

"Kami sebagai petani rasa seperti ditindas apabila terpaksa tanggung kos pengeluaran yang semakin meningkat sedangkan harga belian padi semakin turun sebelum ini.

"Dengan pengumuman terbaharu ini, kita harap sangat agar harganya relevan dengan keadaan semasa dan tidak hanya naik RM100 seperti pernah dinaikkan pada belanjawan sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, harga lantai belian padi ditetapkan pada kadar RM1,200 per tan metrik sejak 2014 sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan metrik.

Namun, ramai pesawah berpendapat bahawa kenaikan tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos operasi yang semakin tinggi.

Dalam pengumuman di Dewan Rakyat semalam, Anwar berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengumumkan kenaikan harga lantai padi yang munasabah tanpa perlu membebankan pengguna.

Perdana Menteri berkata, ia susulan hasil perbincangan yang diadakan bersama Ke-

“ Dengan pengumuman terbaharu ini, kita harap sangat agar harganya relevan dengan keadaan semasa dan tidak hanya naik RM100 seperti pernah dinaikkan pada belanjawan sebelum ini.”

menterian Kewangan bagi memastikan keseimbangan harga dalam pasaran beras tempatan.

Dalam pada itu, pesawah di Perlis, Mohd. Noor Hashim, 62, berkata, rintihan pesawah yang semenangnya sangat terkesan ketika ini akhirnya mendapat perhatian kerajaan dan ia perlu dilaksanakan tanpa berleluasa.

Katanya, para pesawah juga berharap agar tuntutan kenaikan kepada RM1,800 per tan metrik itu dilaksanakan bersesuaian dengan situasi semasa, yang mana kos tanaman terus meningkat.

Katanya, kos mengusahakan tanaman padi ketika ini sangat tinggi sehingga mencecah RM2,038 untuk keluasan 0.3 hektar dan pesawah yang menyewa pula akan lebih terkesan.

"Alhamdulillah, akhirnya kerajaan mendengar rintihan pesawah ini. Harga RM1,800 dan dicampur dengan subsidi RM500 iaitu RM2,300 per tan akan membolehkan pesawah mendapat pendapatan yang lebih berbaloi.

"Kita juga meminta kerajaan segera melaksanakan memandangkan pesawah ketika ini sedang mula rancang menuai hasil. Jika musim ini, masih dibeli dengan harga RM1,300, kami pesawah bakal berdepan kerugian," katanya.

Kilang padi bumiputera terbesar gulung tikar selepas 57 tahun

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

KANGAR: Kilang padi bumiputera terbesar di negeri ini yang beroperasi sejak 57 tahun lalu bakal gulung tikar selepas tidak mampu lagi menampung beban operasi kerana pengalihan kuasa kepada pihak swasta.



“ Lonjakan harga belian padi itu berburuan daripada persaingan oleh pengilang-pengilang besar bukan bumiputera yang terus mengumpul pasaran beras hingga bagi mendominasi belian padi.”

RM2,000 per tan metrik.

Katanya, lonjakan harga beras pada ini berikutan daripada persaingan oleh pengilang-pengilang besar bukan bumiputera yang terus mengumpul pasaran beras hingga bagi mendominasi belian padi.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan, pengilang-pengilang padi mendakwa sudah tidak mampu lagi menampung beban operasi kerana pengalihan kuasa kepada pihak swasta. Langkah ini dijangka akan membantu meningkatkan pendapatan petani dan memastikan kestabilan harga beras tempatan.

UTUSAN Malaysia
1 Februari 2025.

'Bukan raih simpati, realiti sebenar kilang bumiputera'

KANGAR: Keluhan pemilik kilang Dibuk Sdn. Bhd. yang bakal gulung tikar selepas 57 tahun beroperasi bukan bertujuan meraih simpati, sebaliknya ia adalah realiti sebenar dihadapi kilang padi bumiputera terbesar itu.

Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzuki berkata, pihaknya tidak mampu bertahan selepas terhimpit dengan polisi harga siling beras yang tidak memberi keuntungan bukan sahaja kepada pengilang, sebaliknya turut menjejaskan pesawah.

Katanya, kilangnya juga terhimpit apabila isu penyelewengan beras terus berlaku sejak setahun lalu yang mana ia hanya menguntungkan pengilang besar.

"Pendapatan sedia ada kini sudah tidak mampu menampung komitmen pembayaran hutang bank yang sangat tinggi. Tidak sangka pula laporan mengenai masalah kilang padi kami yang dilaporkan baru-baru ini menjadi isu nasional. Baguslah,

sekurang-kurangnya ramai yang prihatin.

"Tetapi saya berharap jangan salah anggap. Keluhan kami ini bukan meminta simpati apatah lagi meminta duit sebaliknya memang tanggungan kami dengan bank sangat tinggi. Di sebaliknya pendapatan sedia ada sudah tidak mampu lagi menampung komitmen pembayaran hutang bank.

"Lebih terhimpit apabila penyelewengan beras berlaku lebih dari setahun yang hanya menguntungkan pengilang dan pemborong yang sanggup menipu. Kalau kami ikut sama menipu, kami boleh bertahan dan boleh untung, tapi di akhirat mufliis," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sabtu lalu, akhbar ini melaporkan, kilang padi bumiputera terbesar di negara ini yang beroperasi sejak 57 tahun lalu bakal gulung tikar selepas tidak mampu lagi menanggung kerugian jutaan ringgit sejak be-

berapa tahun kebelakangan ini.

Kilang yang sebelum ini memberi kemudahan kepada lebih 10,000 petani di Perlis bagi menjual hasil tuaian mereka, sudah tidak mampu lagi bertahan.

Daripada 117 kilang bumiputera yang aktif dan mampu memproses sehingga 1.17 juta tan metrik setahun, kini hanya tinggal tujuh buah sahaja masih bertahan dengan dijangka bakal gulung tikar dalam tempoh terdekat.

Tambah Ezreen Muhaizi, pihaknya hanya meminta keprihatinan dan perhatian pihak berkuasa untuk mendengar isu yang melanda.

"Kami ada solusi untuk dicadang yang boleh membetulkan industri dan memberi kebaikan kepada semua. Baik pesawah, pengilang, pengguna malah kerajaan. Tetapi ia tidak memberi kesan kerana hanya yang berkuasa sahaja yang mampu mengubah jika ada kemahuan," katanya.

5/2/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

6

Persaingan tidak seimbang 'tewaskan' pengilang padi, beras bumiputera

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

SEJAK *Utusan Malaysia* mendedahkan mengenai kilang padi bumiputera terbesar negara bakal gulung tikar selepas 57 tahun beroperasi dan pelbagai kisah perit pesawah berikutan penurunan harga belian padi sehingga RM1,300, kebimbangan terhadap kelangsungan industri beras terus getir.

Isu tersebut juga semakin mendapat perhatian apabila hanya tujuh kilang bumiputera yang masih bertahan, dengan kebanyakannya dijangka gulung tikar dalam tempoh terdekat.

Situasi tersebut berpunca



ANALISIS

daripada persaingan tidak seimbang dengan kilang-kilang besar bukan bumiputera yang didakwa memamipulasi pasaran dengan menukar beras tempatan kepada beras import untuk mengaut keuntungan besar.

Jika kerajaan tidak segera campur tangan, industri kilang padi bumiputera atau kilang Melayu ini bakal lenyap sepenuhnya, sekali gus memberi kesan buruk kepada ratusan ribu pesawah dan pengguna di negara ini.

Malah, pengilang-pengilang padi bumiputera ini mendakwa sudah tidak mampu lagi menanggung kerugian yang dianggarkan mencecah sehingga RM900 juta setahun ekoran harga belian padi tinggi disebalik harga beras pula masih rendah.

Jalan penyelesaian kepada isu tersebut kerajaan perlu segera menetapkan harga beras pada gred tunggal dan dijual pada satu harga yang dikawal iaitu RM35 bagi berat 10 kilogram.

Kenaikan harga beras itu sudah sepatutnya dilaksanakan selepas lebih 16 tahun tidak pernah disemak. Harga beras RM26 bagi berat 10 kilogram iaitu ketika harga belian padi sekitar RM950 per tan metrik pada masa itu.

Kenaikan harga itu bakal memberi situasi menang-menang kepada semua pihak sama ada pengilang, pesawah dan pengguna. Pengilang bakal kembali 'bernyawa', pesawah akan mendapatkan harga belian padi yang tinggi dan pengguna tidak lagi ditipu.

Ketika ini, pengguna tetap juga terpaksa membeli 'beras tempatan' yang dicampur dengan harga import pada harga yang lebih mahal antara RM38 hingga RM40. Beras RM26 sudah lebih dua tahun tidak keliatan di pasaran.

Selain itu, kerajaan juga perlu mendedahkan segera kartel-kartel yang menguasai industri beras ini. Hampir setahun ker-

ajaan berjanji ingin mendedahkan isu berkenaan. Sehingga sekarang masih sunyi sepi.

Isu beras tempatan tidak di pasaran, kartel menguasai industri beras, dilema pesawah dan pengguna ditipu dengan campuran beras tersebut perlu diberi perhatian segera. Kerajaan tidak boleh tunggu lagi.

Tidak keterlaluan dikatakan industri padi sekarang berada pada titik paling rendah dengan pelbagai isu berbangkit kebelakangan ini. Kos tanaman meningkat, harga belian padi menurun, beras tempatan tiada di pasaran dan pelbagai lagi masalah lain membelenggu pesawah selain pengilang bumiputera terus tertekan.

5/2/2025

UTUSAN
MALAYSIAMUKA
DEPAN

1

Penyelesaian secara menyeluruh isu beras

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **NURUL IRDINA SUMALI**
utusanews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menyelesaikan secara menyeluruh isu beras negara yang dihadapi oleh para pengulang bu- miputer dan pesawah di seluruh negara.

Antara langkah yang akan diambil ialah mengumumkan kenaikan harga lantai padi yang munasabah, peruntukan RM1 bilion kepada Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA (MADA) dan mengatasi penyelewengan yang menjejaskan pro- duktiviti pengeluaran padi dan beras ne- gara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan itu hasil berbincangan bersama Kementerian Ke-

"Kerajaan komited untuk memastikan harga beras tempatan kekal stabil dan tidak membahayakan pengguna."

"Peruntukan RM150 juta ini akan dimuktamadkan dalam masa terdekat bagi menampung perbezaan harga yang berlaku dalam pasaran," katanya di De- wan Rakyat semalam ketika menjawab soalan Datuk Seri Dr. Ronald Khandee (Beluran) yang memintanya menyatakan adakah kerajaan komited dalam mem- perjuangkan nasib pesawah.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kera- jaan sentiasa peka dengan nasib pesawah dan disebabkan itu, di era kerajaan Mada- ni, banyak bantuan dan skim disalurkan kepada pesawah.

- Harga lantai padi diumumkan minggu depan
- Peruntukan RM1 bilion kepada MADA
- Atasi penyelewengan

wangan bagi memastikan keseimbangan harga dalam pasaran beras tempatan.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan menampung sebahagian daripada kenaikan harga lantai padi yang akan diumumkan minggu depan dengan pe- runtukan sebanyak RM150 juta dalam tempoh enam bulan.

Bersambung di muka 2



Sidang pertama

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjawab beberapa soalan yang dikemukakan ahli-ahli Parlimen antaranya berkaitan isu padi beras negara pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, semalam. - JABATAN PENERANGAN

Insentif RM1b rancakkan pengeluaran padi negara

Kerajaan luluskan peruntukan RM1 bilion kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi melaksanakan program merancakkan pengeluaran padi negara yang akan dilancarkan akhir bulan ini. Pada masa sama, kenaikan harga lantai belian padi yang mencetuskan kemelut kepada pesawah akan diumumkan minggu depan berserta subsidi tambahan bagi mengimbangi kesan kepada pengguna terutama melibatkan harga beras.

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Fahmy A Rosli → Nasional 4



Harga baharu padi diumum minggu depan

Sedia subsidi tambahan RM150 juta bagi tempoh enam bulan sebagai usaha imbangi harga beras dalam pasaran

Oleh **DIANA AZIS dan SITI NOOR FAEZAH MUDA**
KUALA LUMPUR

Kerajaan akan mengumumkan kadar harga lantai padi yang baharu pada minggu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan harga munasabah itu bakal diperincikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di Dewan Rakyat.

"Kita tidak boleh bicarakan satu pihak sahaja untuk pertahan pengguna tetapi memangsakan pesawah dan nak naikan harga lantai padi untuk pesawah sehingga menggunakan pengguna kerana pesawah miskin B40 pun ramai.

"Minggu depan paling akhir, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan beri penjelasan mengenai pengumuman kenaikan harga lantai padi yang munasabah dengan subsidi daripada kerajaan yang bertambah," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.



Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengumumkan kadar harga lantai padi yang baharu pada minggu depan.

RM150 juta bagi tempoh enam bulan sebagai usaha mengimbangi harga beras dalam pasaran susulan kesan kenaikan harga lantai padi yang baharu kelak.

Katanya, tambahan subsidi berkenaan supaya kos pengguna tidak meningkat pada masa akan datang. Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan Madani juga telah menyalurkan bantuan khas sebanyak RM1,800 juta dan harga lantai belian kepada setiap pesawah.

"Kerajaan juga telah tambah Skim Takatuli Tanaman Padi dan permulaan pada 2024 sebanyak RM50 juta dan harga lantai belian padi hanya ditambah.

"Skim Subsidi Harga Padi dinaikkan RM500 satu tan daripada RM360 bagi padi bersih, baja dan sebagainya," jelas beliau.

Pesawah harap ada khabar gembira



ABDUL RASHID

ALOR SETAR - Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) berharap bahawa kerajaan akan mengumumkan berita gembira tentang harga lantai padi baharu yang dijangka dibuat pada minggu depan.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob berkata, pihaknya sedang menanti pengumuman rasmi bagi memastikan kepastian terhadap kadar baharu yang bakal diumumkan, walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyentuh isu ini di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau memaklumkan, pihaknya mengambil pendekatan berhati-hati dan tidak mahu membuat sebarang spekulasi sehingga pengumuman rasmi dibuat oleh pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Kami tidak mahu membuat andaian yang boleh mengganggu proses di peringkat kementerian. Namun, kami berharap pengumuman itu akan membawa khabar gembira kepada pesawah, terutamanya berkaitan tuntutan yang telah kami kemukakan sebelum ini.

"Kami tidak mahu ulas (lanjut) tapi kita harap kenaikan seperti mana yang kita tuntutan dalam memorandum sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Abdul Rashid berharap kenaikan harga lantai padi kepada kadar relevan dengan kos semasa untuk memastikan ia benar-benar memberi manfaat kepada golongan pesawah.

"Kita harapkan apa yang kita tuntutan dalam memorandum dapat difalalisasikan (kerajaan) seperti mana kita tuntutan," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Abdul Rashid berkata, beliau ingin menjelaskan kekeliruan tentang bantuan sumbangan tunai ataupun elau tunggu tuai RM600 setahun kepada pesawah.

Menurutnya, elau tunggu tuai yang diumumkan sebelum ini adalah bantuan khas untuk petani dan bukannya menampung kos diesel atau kenaikan kos lain.

Beliau berkata, elau terbabit kepada pesawah terbabit adalah sama seperti mana bantuan kepada nelayan ketika musim tenggu tuai ini tidak mengambil kira, kelulusan "Elau tunggu tuai ini tidak mengambil kira, kelulusan sawah, sebaliknya diberi kepada petani berdaftar," katanya.

Harga lantai padi baharu minggu depan


DEWAN RAKYAT

- **PM jamin kenaikan harga tidak bebankan pengguna**
- **Kerajaan akan tampung sebahagian kenaikan**

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

KUALA LUMPUR – Kenaikan harga lantai padi yang baharu bagi memastikan keseimbangan harga dalam pasaran beras tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan yang akan diumumkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu hasil perbincangan yang diadakan bersama Kementerian Kewangan sebelum ini.



ANWAR ketika bercakap mengenai isu harga padi pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Katanya, kenaikan harga lantai itu tidak akan membebankan pengguna dan kerajaan akan menampung sebahagian kenaikan dengan peruntukan RM150 juta dalam tempoh enam bulan.

"Kerajaan komited untuk memastikan harga beras tempatan kekal stabil dan tidak akan mem-

bebankan pengguna.

"Peruntukan RM150 juta ini akan dimuktamadkan dalam masa terdekat bagi menampung perbezaan harga yang berlaku dalam pasaran," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Bellau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Seri Dr.

Ronald Kiandee (**PN-Beluran**) mengenai tindakan kerajaan dalam membela nasib pesawah di negara ini.

Menurutnya, kerajaan sentiasa peka dengan nasib pesawah dan disebabkan itu, di era kerajaan Madani, banyak bantuan dan skim disalurkan.

"Kita cuba naikkan, tapi ada masalah. Kawasan padi di Perlis dan Kedah produktiviti agak rendah, tidak seperti di Sekinchan, Selangor.

"Sebelum ini, tidak ada langkakah tegas yang berani dibuat. Hanya setelah kerajaan Madani, barulah bantuan khas ini ditambah RM600 setahun bagi pesawah, yang sebelum ini tidak pernah dibuat," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan khas sebanyak RM1 bilion kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda bagi merancarkan produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Katanya, ia akan disalurkan akhir bulan ini diharapkan dengan bantuan itu ia akan dapat memenuhi kira-kira 70 peratus keperluan tempatan.

"Bagi Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan turut menyalurkan peruntukan lebih RM400 juta untuk menampung harga beras terlalu tinggi di negeri terbabit.

"Jadi untuk 2023 dan 2024, kita salurkan peruntukan khas kali pertama sebanyak RM420 juta di Sabah dan Sarawak untuk menampung dan melancarkan harga supaya tidak melambung terlalu tinggi," katanya.

Selangor sedia kongsi kejayaan padi Sekinchan

SHAH ALAM – Selangor bersedia berkongsi pengalaman kepada negeri-negeri lain mengenai kaedah guna pakai tanah dalam memodenkan proses pertanian seperti dilakukan di Sekinchan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, langkah itu sebagai usaha meningkatkan keterjaminan makanan negara dan strategik untuk mengurangkan kebergantungan kepada import dari negara luar.

Katanya, beliau sentiasa menekankan kepentingan keterjaminan makanan meskipun Selangor merupakan nadi ekonomi negara ini.

"Alhamdulillah, usaha

pemodenan proses pertanian termasuk kaedah guna pakai tanah di Pantai Barat Selangor seperti Sekinchan mula membuahkan hasil dan diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan negeri bersedia berkongsi pengalaman bersama negeri-negeri lain dalam meningkatkan keterjaminan makanan dalam mengurangkan kebergantungan kepada import dari negara luar," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, semua pihak perlu sentiasa meningkatkan produktiviti pengeluaran pertanian tanpa bergantung sepenuhnya kepada keluasan tanah semata-mata.



SEBUAH jentera mengisi padi yang dituai ke dalam lori sebelum dihantar ke kilang di Jalan Parit 5, Sekinchan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2025	SELANGOR JOURNAL	ONLINE	

Govt to announce new padi floor price next week, consumers assured of no impact



KUALA LUMPUR, Feb 4 — The government is expected to announce an increase in the padi purchase floor price next week, along with additional subsidies to mitigate the impact on consumers.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu would table a ministerial paper to announce and clarify the floor price increase.

“The rise in the floor price will inevitably lead to an increase in rice prices for consumers. Our challenge is to balance this — while the price of padi rises for farmers, we do not want to burden consumers,” he said.

“I have already discussed this with the Finance Ministry to ensure the government will cover the subsidy, preventing an increase in local rice prices for consumers. The government will allocate an additional RM150 million over the next six months to support this effort, and details will be finalised soon,” he said during Ministers’ Question Time at the Dewan Rakyat.

Anwar was replying to a supplementary question from Datuk Seri Ronald Kiandee (PN-Beluran), who had raised the issue of farmers’ demand to raise the padi purchase floor price to RM1,800 per metric tonne.

In 2023, the government raised the floor price to RM1,300 per metric tonne, up from RM1,200 per metric tonne, where it had remained since 2014.

However, on January 27, the Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation, also known as Pesawah, urged the government to consider increasing the padi floor price from RM1,300 per tonne to RM1,800.

Anwar, who is also finance minister, acknowledged the issue and said he had reviewed the memorandum submitted to the Prime Minister’s Office, in addition to discussing it with the Agriculture and Food Security Ministry.

He also slammed the opposition for attempting to undermine the government’s efforts to assist padi farmers by raising the floor price. Anwar pointed out that during their tenure in government, the opposition had failed to take similar action.

“Don’t deny it, this is the truth. You made noise, but when you were in power, you didn’t raise the floor price of padi. We are the ones who raised it,” he said.

He stressed that the government must strike a balance, acknowledging both the needs of consumers and the livelihoods of padi farmers, particularly as many in the B40 group face financial difficulties.

Responding to a supplementary question from Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) on the padi floor price of RM1,300 — which he noted was relatively low compared to the increase in diesel prices — Prime Minister Anwar said he would look into the matter.

“If there are farmers struggling with diesel costs, submit their names, and we will reimburse them,” he assured.

In his reply to Ronald’s question on the rising cost of padi production, Anwar said that since the Madani Government took office, several initiatives have been implemented to support padi farmers, including two consecutive years of special assistance in 2023 and 2024.

“Only after the Madani Government came to power were cash contributions for padi farmers increased — by RM228 million in 2023 and by RM600 per year in 2024 for each farmer. This had never been done before,” he said.

Additionally, Anwar highlighted the introduction of the Padi Crop Takaful Scheme with an initial allocation of RM50 million, and that over RM400 million had been allocated to Sabah and Sarawak to offset the higher cost of rice in those states.

Meanwhile, in his reply to Ronald’s original question, Anwar said that the government had approved RM1 billion for the Muda Agricultural Development Authority to implement a programme aimed at increasing padi productivity, set to be launched later this month.

“It can at least meet the current local needs from around 56 per cent to 70 per cent,” he said.

Ronald had asked whether the government plans to review its policy of maintaining a 70:30 ratio between local and imported rice to ensure the sustainability of the padi industry, in line with the National Agrofood Policy 2021-2030.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2025	THE SUN	NATIONAL	2

New *padi* floor price to be announced next week

KUALA LUMPUR: The government is expected to announce an increase in the *padi* purchase floor price next week, along with additional subsidies to mitigate the impact of the hike on consumers.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu would table a ministerial paper to announce the increase.

"The rise in the floor price will inevitably lead to an increase in rice prices for consumers. Our challenge is to balance this. While the price of *padi* rises for farmers, we do not want to burden consumers."

"I have already discussed this with the Finance Ministry to ensure that the government will bear the subsidy, preventing an increase in local rice prices for consumers. The government will allocate an additional RM150 million over the next six months to support this effort and the details will be finalised soon," he said in the Dewan Rakyat.

Anwar was replying to a supplementary question from Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran), who raised the issue of *padi* farmers' demand for an increase in *padi* purchase floor price to RM1,800 per metric tonne. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2025	NST	NATION	3

'New floor price for padi next week'

KUALA LUMPUR: A new floor price for padi will be announced next week, with Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu set to present cabinet papers on the price adjustment.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government would also allocate an additional RM150 million in subsidies over six months following the price hike.

He said any price increase would not result in higher costs for consumers.

"We do not want prices to rise for consumers. I have discussed this with the Finance Ministry to ensure the government continues to provide additional subsidies.

"Next week, the (agriculture and food security) minister will provide an explanation for a reasonable price increase," he said during the Prime Minister's Question Time in the Dewan Rakyat yesterday, in response to a supplementary question from Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut).

On Jan 27, the Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation (Pesawah) and around 300 farmers from the peninsula called for immediate government intervention to raise the padi floor price to RM1,800 from RM1,300.

A memorandum was also hand-

ed to Anwar's political secretary, Chan Ming Kai, at Perdana Putra on the same day.

Responding to the submitted memorandum, the prime minister said he had reviewed it together with Mohamad.

Meanwhile, Anwar also wanted details of farmers affected by the increase in diesel prices to be submitted to him.

He said the support for farmers and livestock breeders was guaranteed under the Budi Madani programme.

"If there are any farmers or padi growers burdened by the rising cost of diesel, please submit their names and we will reimburse the payment.

"This is because, under the Budi Madani programme, we have guaranteed assistance for farmers, livestock breeders and padi farmers," he said.

He was responding to a supplementary question from Hamzah on the impact of rising diesel prices on farmers.

Hamzah said while the government had raised the padi floor price from RM1,200 to RM1,300, the increase was overshadowed by the rising cost of diesel.

He questioned whether farmers were expected to continue cultivating padi only to remain in poverty, even as the cost of padi production had reached RM1,500 per tonne while the floor price remained at RM1,300.

"If the padi floor price was

RM1,300 before the diesel price hike, and the diesel price has added an extra RM150 (in costs), then raise (the floor price)," he said.

Anwar also said the government had approved RM1 billion for the Muda Agriculture Development Authority (Mada) to boost padi production in Kedah.

He said the productivity enhancement programme would be launched by the end of this month.

"The additional RM1 billion is expected to ensure increased productivity, and at least meet 70 per cent of domestic demand, up from 56 per cent," he said in response to Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran), who asked whether the government intended to review the existing policy of producing 70 per cent local padi and importing 30 per cent for domestic consumption.

"It was only after the Madani government (took office) that the special cash assistance was increased by RM228 million in 2023.

"This assistance was increased in 2024, where each padi farmer received RM600 per year."

He said Padiberas Nasional Bhd also agreed to distribute RM60 million to affected padi farmers in the northern region.

Anwar added that the government introduced the Padi Crop Takaful Scheme last year with an allocation of RM50 million.

He said the government had also allocated over RM400 million to cover the high padi prices in Sabah and Sarawak.



Fair deal for farmers and buyers

Striking balance for padi price crucial despite high production costs, says Anwar

By **MARTIN CARVALHO, GERARD GIMINO and JUNAID IBRAHIM**
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The priority of the Cabinet paper on the new padi floor price proposal is to strike a balance between the livelihoods of farmers and the needs of consumers, says Datuk Seri Anwar Ibrahim (pic).

The Prime Minister said that Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu will present the proposal in Cabinet next week.

"This is a very important issue; even an additional RM1bil allocation for padi farmers will not be

enough to cover the production costs.

"As such, next week, the minister will present a paper (to the Cabinet) to announce and explain the new price," he said during Prime Ministers' Question Time in the Dewan Rakyat yesterday.

Anwar said to balance the rising production cost of farmers and the selling price, the government had agreed to further bear an additional subsidy cost of RM150mil for the first six months of this year.

He said another RM1bil will be



channeled to the Muda Agricultural Development Authority (Mada) to increase padi production.

"The government has approved a total of RM1bil to Mada, which will be disbursed at the end of this month, to increase production and supply for local demand from 56% to 70%," he added.

Anwar was responding to a question by Datuk Seri Ronald Klandee (PK-Beahan) who had asked the government to state whether it will review the existing policy of producing 70% local

rice and importing 30% for consumption.

Last week, groups of padi farmers from across the country submitted a memorandum to the Prime Minister's Office, seeking to raise the padi floor price to RM1,800 per tonne from RM1,300.

Anwar also refuted the claim that the rationalisation of diesel launched last year would lead to an increase in production cost as the government had listed padi farmers as recipients under the Subsidised Diesel Control System programme.

"Share the names of padi farmers who are burdened with the

increased diesel cost, we (the government) will reimburse them.

"Under the Padi (Central Database Hub) system, it's guaranteed that farmers and smallholders can still enjoy subsidised diesel.

"The government had also allocated RM600 annually for each farmer, which should be enough to bear the (additional) costs of diesel," he said.



Govt to adopt Sekinchan's high-yield rice model

KUALA LUMPUR: The government intends to adopt successful agricultural methods used in Sekinchan, Selangor, which have significantly boosted rice production, in other states such as Kedah, Perlis, Kelantan and Terengganu.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the move is necessary as rice production in these states remains significantly lower than in Sekinchan, arguably home to Malaysia's most productive rice fields when measured on a tonne per hectare basis.

"The key issue is productivity, as the gap between rice yields in Selangor and Kedah is too wide. We must work to increase production.

"We are looking into replicating several practices from Sekinchan, including the use of high-yield padi seeds, fertilisers and improved management techniques. This may involve artificial intelligence (AI) and drone tech-

nology, similar to what Sime Darby has implemented in the palm oil industry," he said during Ministerial Question Time in the Dewan Rakyat yesterday.

Anwar was responding to a supplementary question from Mohammed Tauliq Johari (PK-Sungai Petani), who asked about how AI technology and initiatives such as the Ala Sekinchan Large-Scale Smart Paddy Field (SMART SFB) and high-yield padi seeds could enhance rice productivity.

Through SMART SFB, padi cultivation has become more systematic, leveraging technologies such as the Internet of Things (IoT) and transplacers. This approach has resulted in an increase in rice yields, with production rising from 3.75 tonnes to six or seven metric tonnes per hectare.

Yields in Sekinchan consistently surpass the 10-tonne mark, and sometimes, reach up to 12 tonnes per hectare.



Swatches of food: A file photo of a padi field at Sekinchan, Selangor. Through various methods and technologies, padi yields in Sekinchan consistently surpass the 10-tonne mark, and sometimes, reach up to 12 tonnes per hectare.

Earlier, Anwar announced that the government had approved RM1bil for the Muda Agricultural Development Authority (Mada) to launch a programme aimed at boosting rice production, set to be introduced later this month.

He also expressed his gratitude to the Kedah government for its

cooperation in land management efforts to enhance rice productivity.

Regarding recent reports of rice supply fraud in Kedah, the Prime Minister said he had entrusted the enforcement agencies with investigating the issue, and that action would be taken if sufficient

evidence and information were found.

Four days ago, Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor alleged that the repackaging of local white rice as imported rice is the reason for the ongoing shortage of the local grain in the market.

Penyelesaian secara menyeluruh isu beras

Dari muka 1

“Kita cuba naikkan, tetapi ada masalah. Kawasan padi di Perlis dan Kedah produktiviti agak rendah, tidak seperti di Sekinchan, Selangor.

“Sebelum ini, tidak ada langkah tegas yang berani dibuat. Hanya setelah kerajaan Madani, barulah bantuan khas ini ditambah RM600 setahun bagi pesawah yang sebelum ini tidak pernah dibuat,” katanya.

Bagi merencanakan produktiviti pengeluaran padi di Kedah, kerajaan bersetuju memberi peruntukan sebanyak RM1 bilion kepada MADA akhir bulan ini.

“Usaha kita untuk meningkatkan produktiviti. Kita telah luluskan RM1 bilion untuk MADA yang akan luncurkan akhir bulan ini supaya kawasan

sawah yang ada penambahan RM1 bilion itu boleh menjamin penambahan produktiviti.

“Sekurang-kurangnya usaha itu dapat memenuhi daripada sekitar 56 peratus keperluan tempatan sekarang kepada 70 peratus,” katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan turut memperkenalkan Skim Takaful Tana-man Padi pada awal tahun lalu dengan peruntukan dana awal sebanyak RM50 juta.

Untuk Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan turut menyalurkan peruntukan lebih RM400 juta untuk menampung harga beras terlalu tinggi di negeri terbabit.

“Jadi untuk 2023 dan 2024, kita salurkan peruntukan khas kali pertama sebanyak RM420 juta di Sabah dan Sarawak untuk menampung dan menukar-

kan harga supaya tidak melambung terlalu tinggi,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar juga turut menyenit mengenai pe-nyelewaan yang diakui antara faktor menyebabkan produktiviti pengeluaran padi dan beras di negara ini terjejas.

Bagaimanapun, beliau menyeraikan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan berkaitan isu tersebut.

“Saya tidak mahu nafikan berlaku penyelewaan. Biar badan penguatkuasa siasat. Saya juga teliti kenyataan Menteri Besar (Kedah), kalau ada bukti maklumkan kepada kita untuk diambil tindakan.

“Tetapi yang nyata adalah produktiviti pengeluaran padi di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu itu sangat rendah berbanding di Sekinchan,” katanya.

taip untuk carian



AM > BERITA

FAMA Bantu Usahawan Perlis Kuasai Pasaran Digital

🕒 04/02/2025 08:40 PM



Kredit: FAMA Perlis

KANGAR, 4 Feb (Bernama) -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil inisiatif memperluaskan pengetahuan usahawan di Perlis dalam memasarkan produk mereka melalui platform digital dengan menganjurkan Kursus Grooming Usahawan Agrobazaar Online (From Zero to Viral).

Pengarah FAMA Perlis Mohd Anzara Azizan berkata kursus yang dianjurkan dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu disertai oleh 40 usahawan baharu dan sedia ada dengan program memberi fokus kepada penghasilan bahan promosi serta strategi pemasaran bagi meningkatkan imej produk dan memperluaskan kaedah pemasaran mereka.

"Kerjasama antara FAMA dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Perlis juga berjaya menarik minat hampir 651 graduan dan pelajar untuk menjadi ejen pemarkar melalui program New Breed Marketing Entrepreneur (NBME)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.


Menurut Mohd Anzara, nilai jualan yang dicatatkan oleh usahawan Perlis melalui portal Agrobazaar Online pada tahun lepas hampir mencecah RM200,000, melibatkan 40 usahawan.

Beliau berkata selain latihan dan bimbingan, FAMA Perlis turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka, khususnya dalam sektor agromakanan.

Sementara itu, Mohd Anzara berkata pihaknya turut meninjau status terkini usahawan yang menerima bantuan Pembaikan Imej Pembungkusan pada 2024 iaitu J&W Empire yang mengusahakan Pes Laksa Kuala Perlis.



-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial:

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

KATA KUNCI

fama

perlis

mohd anzara azizan

unimap

usahawan

BERITA BERKAITAN



PERKESO Perlis Sasarkan 12,000 Suri Rumah Mencarum Di Bawah SKSSR

🕒 1hari lalu



IPR-INTAN NCER Bantu Tingkat Pengeluaran Hasil Pertanian Negara

🕒 1hari lalu



Perkhidmatan Awam Terus Diperkukuh Menerusi Digitalisasi - KSN

🕒 1hari lalu

LAGI BERITA



Polis Guna Teknologi 3D Siasat Semula Kes Kematian Teoh Beng Hock

🕒 8jam lalu



Uzbekistan Cadang Kumpulan Pakar Bersama Tangani Islamofobia Melalui Dialog

🕒 8jam lalu



NSFC Akan Lakukan Penstrukturan Gaji Pasukan Musim Depan

🕒 9jam lalu



BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

📞 [klik di sini]



Kategori

- Am
- BernamaBiz
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- ASEAN 2025
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- MAPO
- MyCheck
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender